

KESESUAIAN *INTERNATIONAL UNION FOR CONSERVATION OF NATURE*  
DALAM PEMELIHARAAN KEUNIKAN LANDSKAP BUDAYA YANG  
TERDAPAT DI TANAH BENCAH SETIU

NORASRAF BINTI GHAZALI

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat bagi penganugerahan Ijazah  
Sarjana Sains (Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2015

## **DEDIKASI**

Terima kasih kepada kedua ibu bapa, keluarga dan suami tersayang.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan Projek Sarjana ini. Tidak dilupakan, kepada kedua ibu bapa saya dan suami tercinta yang turut sama dalam memberi bantuan dan sokongan dalam menjayakan tesis ini.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Dr. Amran bin Hamzah terhadap sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih juga diucapkan kepada kedua-dua pemeriksa dalam dan luar iaitu Prof. Dr. Ibrahim bin Ngah dan Prof. Dr. Ahmad bin Shuib bagi setiap komen dan tunjuk ajar yang diberikan.

Setinggi ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak berkuasa tempatan (MDS), penduduk kampung dan seluruh responden yang terlibat kerana sudi meluangkan masa untuk berkongsi idea dan pengalaman mengenai tanah bencana Setiu. Bagi rakan-rakan sepengajian terima kasih atas segala dorongan dan kata-kata semangat yang diberikan.

Akhir sekali, pembiayaan projek ini dilakukan melalui geran penyelidikan yang diperoleh daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang 2011 [No. Geran: JPT.S (BPKI) 2000/09/01/015/Jld.4(67)/Vot No. 4L801]. Geran ini juga adalah kerjasama antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Taylor, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaya (UM).

Terima kasih.

## ABSTRAK

Landskap budaya merupakan kehidupan manusia, ruang dan masa yang memberi peranan dalam proses pembentukan dan pembangunan landskap. Ia terhasil daripada penyusunan tanah secara mozek dengan menyesuaikan penggunaannya mengikut keperluan masyarakat. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti keunikan landskap budaya yang terdapat di tanah bencah Setiu, Terengganu. Analisis *Thematic* dijalankan bagi mencapai empat objektif dengan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian. Kajian ini telah mendapati tiga tema utama dalam pembentukan landskap budaya di tanah bencah Setiu iaitu Pembentukan Landskap Bersejarah, Landskap Berterusan dan Landskap Bersekutu. Pembentukan Landskap Bersejarah didapati kawasan ini mula dijadikan sebagai kawasan persinggahan bagi para pedagang daripada Siam (Thailand), India dan China sejak abad ke-13. Ini telah mempengaruhi geografi penempatan penduduk apabila kebanyakan penduduk bergantung kepada sumber semulajadi dan aktiviti nelayan. Landskap Berterusan terhasil daripada bakat dan kreativiti dalam penghasilan kraf serta perkembangan seni persembahan yang berkaitan dengan nilai-nilai rohani tempatan. Landskap Bersekutu terbentuk daripada senibina tempatan yang disesuaikan dengan landskap sekitarnya seperti bentuk muka bumi, iklim tempatan dan tumbuh-tumbuhan untuk membentuk kelompok rumah bagi mencapai keharmonian antara manusia dan alam semula jadi. Ancaman bagi keunikan landskap budaya turut dikenalpasti iaitu pembangunan moden telah menyebabkan kemerosotan yang ketara terhadap landskap budaya di tanah bencah Setiu. Pembangunan tidak lestari ini telah mengganggu keseimbangan ekologi di tanah bencah Setiu seperti tanah lembap, laguna dan habitat untuk hidupan liar. Kebanyakan kawasan perlindungan terutamanya taman-taman Negara di Malaysia diwartakan di bawah *International Union for Conservation of Nature* (IUCN) kategori II yang lebih tertumpu kepada perlindungan ekologi, flora dan fauna. Pemeliharaan interaksi dan nilai-nilai sosial amat diperlukan. IUCN Kategori V dicadangkan sebagai alat untuk melindungi keunikan landskap budaya di tanah bencah Setiu. Ini kerana pengurusannya dilakukan secara menyeluruh yang melibatkan kawasan tanah, pantai dan laut di mana wujudnya interaksi manusia dan alam semula jadi yang akan menghasilkan watak berbeza berdasarkan nilai-nilai estetik, nilai budaya dan kepelbagaian ekologi. IUCN Kategori V boleh digunakan dalam sistem tadbir urus di dalam penyediaan Rancangan Kawasan Khas Tanah Bencah Setiu.

## ABSTRACT

Cultural landscape consists of human life, space and time that play a significant role in the shaping and development of the landscape. It is formed as a result of a continuum of land use mosaic shaped by the activities and needs of the local community. This study was conducted to investigate the uniqueness of the cultural landscape in Setiu Wetlands, Terengganu. A Thematic Analysis was carried out to achieve four objectives by using interview and observation techniques. This study has found three themes in developing Setiu Wetlands which are Historic Landscape, Continuous Landscape and Associative Landscape. The formation of Cultural Landscape in this area was initially used as a transit point for traders from Siam (Thailand), India and China in the 13<sup>th</sup> century. This has shaped the human geography of the area due to the dependence of the local population on the natural resources and fishing activities. Continuous Landscape was formed from their talents and creativity to produce distinctive crafts as well as developing performing arts associated with the local spiritual values. Associative Landscape was formed from local architecture that is well adapted to the surrounding landscape such as landform, local climate and vegetation to form clusters of homes that achieve harmony between humans and nature. Threat to the uniqueness of the cultural landscape is also identified which is modern development that has led to the gradual decline of the traditional cultural landscape in Setiu Wetlands. This unsustainable development has depleted and further threatens the ecosystems at Setiu Wetlands such as wetlands, lagoons and habitats for wildlife. Most protected areas in Malaysia especially National Parks area gazette under Category II of *International Union for Conservation of Nature's* (IUCN) category which focused on the protection of ecology, flora and fauna. Preservation of social interactions and values is very necessary. In this light IUCN Category V is proposed as an instrument for the protection of the cultural landscape uniqueness in Setiu Wetland. This is due to the comprehensiveness of the management that involved land, coastal and sea areas where there is an interaction between human and nature that creates different characters based on aesthetical, culture and diverse ecology values. IUCN Category V could be applied in the governance system in the preparation of a Special Area Plan for Setiu Wetlands.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGISYITIHARAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>vi</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vii</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>viii</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>viii</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>GLOSARI</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xviii</b>
<b>1.</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	2
	1.3 Objektif Kajian	6
	1.4 Skop Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Kesimpulan	9
<b>2.</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>11</b>
	2.1 Pendahuluan	11
	2.2 Landskap	11
	2.3 Budaya	14
	2.4 Landskap Budaya	15
	2.5 IUCN Kategori V	21
	2.6 Perlindungan IUCN Kategori V Kawasan Lindungan di Seluruh Dunia	27
	2.6.1 Padi Bukit di Cordilleras Filipina	27
	2.6.2 Inisiatif Pemuliharaan Landskap di Nepal	32
	2.6.3 Perlindungan Landskap dan Pemandangan Laut: Pengalaman dari Kawasan Pantai Brazil	39

	2.6.4 Kesimpulan	44
<b>3.</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>47</b>
	3.1 Pendahuluan	47
	3.2 Kajian Kualitatif	49
	3.2.1 Teknik <i>Snowball</i>	51
	3.2.1 Temubual secara mendalam	54
	3.2.3 Pemerhatian	55
	3.3 Kajian Awalan	56
	3.4 Teknik Analisis <i>Thematic</i>	57
	3.5 Pembentukan Tema Kajian	59
	3.6 Kajian Kes	64
	3.7 Kesimpulan	70
<b>4.</b>	<b>ANALISIS DAN PENEMUAN</b>	<b>71</b>
	4.1 Pendahuluan	71
	4.2 Pembentukan Landskap Bersejarah	72
	4.2.1 Tanah Bencah Setiu sebagai kawasan persinggahan bagi para pedagang	72
	4.2.2 Geografi Penempatan	77
	4.2.3 Masyarakat Setiu Bergantung pada Sumber Semulajadi	80
	4.3 Landskap Berterusan	88
	4.3.1 Kemahiran	88
	4.3.2 Kepercayaan dan Adat	96
	4.3.3 Kesenian dan Muzik	101
	4.4 Landskap Besekutu	105
	4.4.1 Pemandangan yang menarik	105
	4.4.2 Tumbuhan	108
	4.4.3 Sistem Sirkulasi	109
	4.4.4 Pembentukan Kawasan Berkelompok	112
	4.4.5 Ciri-ciri Berskala Kecil ( <i>Small Scale Features</i> )	115
	4.5 Keunikan landskap budaya di tanah bencah Setiu	117
	4.5 Faktor Ancaman Kepada Landskap Budaya di Tanah Bencah Setiu	125
	4.7 Kesimpulan	131
<b>5.</b>	<b>KESESUAIAN IUCN KATEGORI V DALAM PEMELIHARAAN KEUNIKAN LANDSKAP BUDAYA DI TANAH BENCAH SETIU</b>	<b>132</b>
	5.1 Pendahuluan	132
	5.2 Fungsi Kawasan Lindungan sediaada di Tanah Bencah Setiu	132
	5.2.1 Kawasan Lindungan berdasarkan Rancangan Fizikal Negara (RFN)	135

5.2.2	Kawasan Lindungan Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Terengganu (RSNT)	137
5.2.3	Kawasan Lindungan Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Setiu (RTDS)	138
5.3.	Kawasan lindungan berkonsepkan Taman Negara	140
5.4	Potensi Tanah Bencah Setiu sebagai Kawasan Lindungan dengan menggunakan pendekatan landskap budaya menerusi IUCN Kategori V	143
5.5	Kesimpulan	150
<b>6.</b>	<b>RUJUKAN</b>	<b>151</b>
<b>7.</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>158</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Ciri-ciri landskap budaya	19
Jadual 2.2: Ciri-ciri IUCN Kategori V	23
Jadual 2.3: Komponen dalam pemilihan kawasan bagi kawasan lindungan IUCN Kategori V	25
Jadual 2.4: Perubahan pemuliharaan kawasan lindungan di Nepal	36
Jadual 3.1: Perbezaan antara kaedah kualitatif dan kuantitatif	50
Jadual 3.2: Soalan Kajian Awal	56
Jadual 3.3: Fasa bagi Analisis <i>Thematic</i>	59
Jadual 3.4: Ciri-ciri Landskap Budaya	60
Jadual 3.5: Mukim dan Keluasan Kawasan:	65
Jadual 3.6: Nama kampung dan bilangan penduduk	66
Jadual 4.1: Rumusan penemuan keunikan landskap budaya di tanah bencah Setiu	122
Jadual 5.1: Kategori KSAS dan Kriteria	136
Jadual 5.2: Kategori IUCN	143
Jadual 5.3: Persamaan ciri-ciri landskap budaya yang terdapat di Setiu dan IUCN Kategori V	147
Jadual 5.4: Perbezaan sistem pengurusan kawasan lindungan bagi Setiu dan IUCN Kategori V	149

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1: Apa itu Landskap?	13
Rajah 2.2: Pembentukan Landskap Budaya	16
Rajah 2.3: Konsep Landskap Budaya	17
Rajah 2.4: Perubahan pengurusan kawasan lindungan daripada ‘pulau’ kepada ‘rangkaian’	37
Rajah 3.1: Rangka kerja penyelidikan	48
Rajah 3.2: Teknik <i>snowball</i>	53
Rajah 3.3: Rangka Konseptual	63
Rajah 3.4: Pelan Guna Tanah di Tanah Bencah Setiu	69
Rajah 4.1: Tanah Bencah Setiu Sebagai Kawasan Persinggahan Para Pedagang	76
Rajah 4.2: Jenis Pekerjaan bagi Penduduk Tempatan di Tanah Bencah Setiu	81
Rajah 4.3: Masyarakat Tanah Bencah Setiu Bergantung Pada Sumber Semulajadi	87
Rajah 4.4: Kemahiran	95
Rajah 4.5: Kepercayaan	100
Rajah 4.6: Kesenian dan Muzik	104
Rajah 4.7: Pemandangan yang Menarik	107
Rajah 4.8: Tumbuhan dan Sirkulasi	111
Rajah 4.9: Pembentukan Kawasan Berkelompok	116
Rajah 4.10: Pelan Keseluruhan Landskap Budaya di Tanah Bencah Setiu	123
Rajah 4.11: Peta Integrated Shrimp Farm Aquaculture Park (iSHARP)	127
Rajah 5.1: Sistem perancangan di Malaysia	134

## GLOSARI

IUCN	- International Union for Conservation of Nature
ICOMOS	- The International Council on Monuments and Sites
KSAS	- Kawasan Sensitif Alam Sekitar
UN	- United Nation
UNESCO	- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PEWANIS	- Persatuan Wanita Kampung Mangkok Setiu
PERHILITAN	- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
RFN	- Rancangan Fizikal Negara
RMLT	- Rancangan Malaysia Lima Tahun
RSNT	- Rancangan Struktur Negeri Terengganu
RTDS	- Rancangan Tempatan Daerah Setiu
RKK	- Rancangan Kawasan Khas
WWF	- World Wildlife Fund

## SENARAI GAMBAR

Gambar 2.1: Padi Bukit di Filipina	29
Gambar 2.2: Royal National Park merupakan salah satu kawasan bagi masyarakat tempatan memperolehi sumber makanan	34
Gambar 2.3: Hutan Atlantik Brazil	42
Gambar 4.1: Tanaman renek seperti labu dan serai ditanam di sekitar rumah bagi keperluan harian	78
Gambar 4.2: Kawasan lapang dijadikan sebagai tempat untuk keringkan pakaian	79
Gambar 4.3: Rumah tradisional di tanah bencah Setiu	80
Gambar 4.4: Bot Nelayan	82
Gambar 4.5: Jeti Nelayan	82
Gambar 4.6: Penternakan ikan sangkar di Kg. Gong Batu	83
Gambar 4.7: Gerai makanan laut atau lebih dikenali sebagai Ikan Celup Tepung	84
Gambar 4.8: Proses pengeringan ikan bilis	85
Gambar 4.9: Industri Desa – Belacan	85
Gambar 4.10: ‘Pagar Angin’ di bina bagi mengelakkan angin kuat sewaktu musim tengkujuh	90
Gambar 4.11: Jala digunakan untuk menangkap ikan	91
Gambar 4.12: Anyaman Lekar	92
Gambar 4.13: Pusat Urutan Tradisional	93
Gambar 4.14: Pemprosesan Gula Melaka	94
Gambar 4.15: Gotong-royong di kalangan masyarakat tempatan	97
Gambar 4.16: Tarian tradisional Mak Yong	102
Gambar 4.17: Tarian tradisional Ulek Mayang	102
Gambar 4.18: Pemandangan pantai di kawasan kajian	106
Gambar 4.19: Pokok kelapa sebagai tanda kelahiran keluarga baru	109
Gambar 4.20: Jalan raya sebagai penghubung dengan jiran tetangga	110
Gambar 4.21: Tempat penetasan penyu di Kg. Penarik	114
Gambar 4.22: SEBELUM – Menggunakan tempayan air untuk membasuh kaki	115
Gambar 4.23: SELEPAS – Menggunakan paip air untuk membasuh kaki	115
Gambar 4.24: Gambar <i>Integrated Shrimp Farm Aquaculture Park</i> (iSHARP)	126

Gambar 4.25: Kolam Ternakan Udang	126
Gambar 4.26: Tanaman komersial – kelapa sawit	128
Gambar 4.27: Rumah Burung Walit	129
Gambar 4.28: Pembinaan rumah burung walit telah merusakkan pemandangan estetika	130

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Borang Soal Selidik (Penduduk Tempatan)	158
B	Borang Soal Selidik (PBT dan NGO's)	164
C	Senarai Responden yang terlibat	167

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Sejak seabad yang lepas, konsep pembangunan landskap budaya telah ditakrifkan kembali berdasarkan persekitaran kehidupan manusia. Selain pemandangan estetika yang menyenangkan, landskap juga merujuk kepada interaksi di antara manusia dan kawasan persekitarannya (Priya, 2007). Definasi popular yang diterjemahkan oleh Sauer (1926), landskap budaya terbentuk daripada landskap semulajadi yang digubah oleh kumpulan kebudayaan di mana budaya merupakan agen, kawasan semulajadi merupakan medium, dan landskap budaya merupakan hasilnya.

Menurut Mitchell dan Bugey (2000), landskap budaya merupakan kepelbagaian interaksi yang terhasil di antara manusia dan alam semulajadi. Interaksi ini telah membentuk persekitaran semulajadi yang dipengaruhi oleh faktor peredaran masa di mana faktor ini telah menghasilkan pembentukan landskap budaya yang wujud pada hari ini. Landskap budaya juga dapat ditakrifkan sebagai bentuk muka bumi yang dicipta oleh manusia melalui budaya yang berhubung secara langsung dengan alam semulajadi. Budaya yang terhasil ini akan terus wujud sekiranya keduanya masih saling bergantung antara satu sama lain (Buckley et al., 2008).

Melalui perhubungan yang wujud ini secara tidak langsung akan menghasilkan persekitaran yang mampan bagi kehidupan manusia. Landskap budaya sering mencerminkan teknik tertentu bagi penggunaan tanah yang mampan melalui ciri-ciri dan had penggunaan alam sekitar yang telah ditetapkan. Perlindungan landskap

budaya boleh menyumbang kepada penggunaan tanah yang mampan melalui teknik moden dengan mengekalkan atau meningkatkan nilai-nilai semulajadi dalam landskap sediaada. Kewujudan berterusan penggunaan tanah secara tradisional juga dapat membantu dalam mengekalkan kepelbagaian biologi sediaada.

Landskap yang dilindungi adalah landskap budaya yang berkembang bersama masyarakat yang mendiami kawasan tersebut. Kawasan ini dilindungi berdasarkan interaksi manusia dan alam semulajadi yang wujud dari masa ke semasa. Keadaan ini dapat dilihat apabila corak penggunaan tanah tradisional telah mencipta landskap budaya bertaraf dunia yang menyumbang kepada kepelbagaian biologi, menyokong proses ekologi, menyediakan perkhidmatan terhadap alam sekitar yang telah dibuktikan oleh negara-negara mampan

## **1.2    Penyataan Masalah**

Tanah bencah Setiu boleh dikategorikan sebagai sebuah kawasan yang unik apabila kebanyakan masyarakat tempatan bergantung sepenuhnya kepada sumber semulajadi dalam meneruskan kehidupan seharian mereka. Peranan ekosistem di kawasan paya bakau dan laguna Setiu khususnya, wujud dengan pelbagai habitat semulajadi dan dijadikan sebagai tempat pembiakan pelbagai spesis seperti ikan, ketam, udang dan banyak lagi. Selain daripada itu, ia turut berfungsi dalam mempengaruhi pergerakan udara atau ribut yang bertiup kencang dan turut dapat mengurangkan kesan gelombang dari arah laut yang menghala ke daratan.

Interaksi antara manusia dan alam semulajadi ini turut dapat dilihat apabila kawasan paya bakau berfungsi dalam menstabilkan kawasan muara sungai dan pesisir pantai menerusi faktor semulajadi pokok bakau yang berakar berceracak dan tumbuh secara padat dapat mengurangkan pengaliran sedimen atau bahan enapan dari kawasan muara dan pantai. Pada masa yang sama, ia turut berfungsi sebagai

agen penyerapan air sewaktu musim tengkujuh. Apabila limpahan air hujan berlaku, kawasan paya bakau ini akan bertindak sebagai span penyerapan air untuk mengurangkan impak banjir kepada penduduk tempatan.

Penduduk tempatan turut bergantung sepenuhnya kepada sumber semulajadi yang terdapat di kawasan ini apabila kebanyakan mereka bekerja dalam sektor akuakultur dan sektor pertanian. Faktor ini turut menjadi pendapatan utama bagi masyarakat tempatan di tanah bencah Setiu. Kawasan ini juga sesuai dijadikan kawasan pelancongan. Pelbagai aktiviti pelancongan telah diwujudkan di kawasan ini termasuklah penanaman pokok bakau, pemeliharaan tuntung laut dan penyu, aktiviti merentasi sungai Setiu untuk melihat kelip-kelip, aktiviti memancing di sungai dan pantai dan aktiviti berkelah di sekitar pantai Setiu.

Selain menyumbangkan sumber pendapatan kepada penduduk tempatan, alam semulajadi ini turut mempengaruhi gaya hidup masyarakat tempatan. Ini termasuklah bahasa pertuturan, adat dan budaya, cara berpakaian, muzik dan kesenian, kemahiran dan lain-lain. Interaksi antara manusia dan alam semulajadi ini secara tidak lansung telah membentuk landskap budaya di tanah bencah Setiu. Pembentukan mozek-mozek ini mempunyai perkaitan dan saling berhubung di antara satu sama lain telah mempengaruhi gaya hidup masyarakat tempatan.

Walaupun, kawasan ini kian menerima tekanan besar dengan wujudnya pembangunan pesat menyebabkan keunikan landskap budaya yang terdapat di tanah bencah Setiu ini semakin terancam. Keadaan ini berlaku disebabkan mekanisma sedia ada tidak mampu untuk mengawal selia dalam memperkukuhkan sumber semulajadi ini tanpa merosakkannya.

Kawasan lindungan yang terdapat di Malaysia merupakan kawasan lindungan yang berkonsepkan hutan simpan kekal atau rizab hutan. Sistem pengurusan dan penyelenggaraan yang lemah telah mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan bagi

kawasan lindungan ini. Kuasa utama juga turut memainkan peranan yang penting apabila kawasan yang diwartakan sebagai kawasan lindungan dengan mudahnya ditukar syarat bagi kegunaan pertanian, penggunaan sumber dan lain-lain kegunaan. Pada masa yang sama, perlindungan yang dilaksanakan ini dilakukan tanpa mengambilkira pendapat dan penglibatan penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan tersebut. Kepentingan penglibatan mereka ini sangat penting, ini adalah kerana mereka merupakan pemilik asal bagi kawasan tersebut dan lebih mahir dengan pengurusan sumber sedia ada dalam mengekalkan pembangunan mampan.

Faktor yang menyebabkan tanah becah Setiu dikategorikan sebagai sebuah kawasan terancam turut dikenalpasti apabila wujudnya Integrated Aquaculture Park (I-SHARP) dengan keluasannya meliputi 1,000 hektar tanah turut mempengaruhi kawasan semulajadi yang terdapat di tanah becah Setiu. Merujuk kepada keratan akhbar yang dikeluarkan oleh Sinar Harian pada 22 Januari 2012, Encik Zulkifli merupakan Pengerusi Lujnah dan Alam Sekitar PAS Pusat berkata, sisa buangan daripada kolam udang ini akan disalurkan terus ke sungai berhampiran. Keadaan ini telah mengganggu keseimbangan ekosistem melalui pencemaran sungai dan pada musim tengkujuh kawasan ini asalnya dijadikan sebagai kawasan tadahan air telah ditambak dan ini telah mengakibatkan air melimpah ke kawasan sekitar yang mengakibatkan banjir. Pada masa yang sama, kesan pembangunan kolam udang ini juga turut memberi kesan kepada kemusnahan pembiakan hidupan laut terutamanya bagi mereka yang menghasilkan penternakan ikan sangkar.

Percanggahan guna tanah dengan pembangunan sedia ada turut mempengaruhi keunikan landskap budaya ini. Sebagai contoh pembangunan rumah-rumah burung walit dibina di sepanjang persisiran pantai terutamanya di kawasan Kampung Penarik. Keadaan ini bukan sahaja merosakkan pemandangan semulajadi di kawasan ini malah dengan wujudnya percanggahan guna tanah ini juga telah mengganggu keharmonian kehidupan masyarakat tempatan yang disebabkan oleh bunyi bising daripada alat perakam suara bagi menarik perhatian burung walit.

Kawasan paya bakau asasnya berfungsi bagi menghalang hakisan pantai dan banjir turut terancam apabila kawasan ini telah digantikan dengan tanaman komersial seperti tanaman pokok kelapa, pokok kelapa sawit dan pokok getah secara tidak lansung turut memusnahkan ekosistem semulajadi di kawasan tanah bencha Setiu. Sebanyak 49 peratus daripada kawasan kajian telah dibersihkan dan digantikan dengan pertanian sejak tahun 2007 (ECERDC, 2010). Akhir sekali penghijrahan generasi muda ke luar bagi memenuhi keperluan mereka turut menyebabkan budaya dan tradisi di Setiu semakin terancam. Kebanyakan mereka tidak berminat untuk meneruskan kerja-kerja tradisi keluarga mereka sebagai nelayan atau petani.

Di Malaysia terdapat beberapa mekanisma yang berfungsi dalam melindungi kawasan lindungan meliputi peringkat negara (Taman Negara), negeri, daerah dan rancangan kawasan khas. Walaubagaimanapun sistem pelaksanaan ini tidak mampu untuk melindungi kawasan lindungan ini secara berkesan. Ini terdapat beberapa kelemahannya terutamanya dari aspek pengurusan yang lemah dan kebanyakan kawasan lindungan lebih memfokuskan kepada perlindungan hutan simpan kekal dan alam semulajadi.

IUCN merupakan garis panduan bagi mewujudkan kawasan lindungan yang terdiri daripada enam kategori utama dan salah satu daripadanya merupakan IUCN Kategori V perlindungan landskap dan pemandangan laut. IUCN Kategori V ini akan digunapakai dalam melindungi landskap budaya di tanah bencha Setiu. Di Malaysia kawasan lindungan menerusi mekanisma ini masih belum banyak digunapakai. Pengkaji telah memilih pendekatan ini dalam melindungi keunikan landskap budaya yang terdapat di tanah bencha Setiu. Perlindungan menerusi IUCN ini juga merupakan mekanisma perlindungan secara menyeluruh yang melibatkan beberapa prinsip asas yang telah ditetapkan.

Pembentukan landskap budaya yang unik melalui pembentukan mozek yang saling berkait antara satu sama lain ini merupakan faktor semulajadi yang perlu

dikekalkan. Pada masa yang sama mekanisma ini turut melibatkan masyarakat tempatan dalam sistem pengurusan dan perlindungan landskap budaya ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Tujuan kajian adalah bagi mengenalpasti keunikan landskap budaya yang terdapat di tanah bencah Setiu dan bagaimana IUCN Kategori V dapat melindungi keunikan kawasan tersebut.

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mentakrifkan pengertian landskap budaya menerusi perspektif penduduk tempatan.
2. Mengenalpasti keunikan landskap budaya yang terdapat di tanah bencah Setiu.
3. Mengenalpasti faktor yang menjadi ancaman kepada landskap budaya di tanah bencah Setiu.
4. Mencadangkan mekanisma yang berkesan dalam melindungi dan mengawal keunikan landskap budaya yang terdapat di tanah bencah Setiu menerusi pendekatan landskap budaya IUCN Kategori V.

## 1.4 Skop Kajian

Skop kajian adalah seperti di bawah:

1. Memahami maksud landskap budaya secara mendalam berdasarkan konsep pembentukan, prinsip dan ciri-ciri landskap budaya di mana sumber ini diperolehi daripada literatur kajian.
2. Mengenalpasti aspek yang membentuk landskap budaya yang terdapat di tanah bencah Setiu seperti sejarah pembentukan Setiu, reka bentuk penempatan, pekerjaan masyarakat tempatan, kemahiran, kepercayaan, kesenian dan muzik, pemandangan dan vista, tumbuh-tumbuhan, sistem sirkulasi, dan pembentukan kawasan berkelompok yang terdapat di tanah bencah Setiu.
3. Mengenalpasti aspek yang menjadi ancaman kepada landskap budaya di tanah bencah Setiu seperti perternakan udang secara besar-besaran, penggunaan tanah yang tidak sesuai dengan pembangunan sedia ada dan penghijrahan keluar generasi muda.
4. Mengenalpasti keberkesanan mekanisma kawasan lindungan sedia ada dengan mencadangkan penggunaan mekanisma baru menerusi pendekatan landskap budaya IUCN Kategori V.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah peranan dan penglibatan manusia telah mempengaruhi pembentukan landskap budaya di tanah bencah Setiu?
2. Apakah bentuk pembangunan yang terdapat di tanah bencah Setiu dalam mempengaruhi pembangunan yang mampan?
3. Apakah faktor yang menjadi ancaman kepada landskap budaya di tanah bencah Setiu?
4. Apakah kelemahan mekanisma sedia ada dalam melindungi landskap budaya di tanah bencah Setiu serta mekanisma berkesan dapat digunapakai dalam mengatasi masalah ini?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa kepentingan yang boleh didapati daripada kajian ini. Antara kepentingan ini adalah seperti berikut:

1. Dengan wujudnya sistem pelaksanaan kawasan lindungan Kategori V secara tidak lansung penduduk tempatan turut terlibat dalam sistem pelaksanaan ini tanpa menjejaskan aktiviti harian mereka. Penglibatan penduduk tempatan amat penting ini adalah kerana mereka lebih mahir dan arif dengan sistem pengurusan sedia ada menerusi budaya yang telah wujud pada suatu masa dahulu.

2. Kajian ini turut membantu pihak berkuasa tempatan dalam mengenal pasti keunikan landskap budaya dan mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi ancaman kepada landskap budaya di tanah bencah Setiu.
3. Pada masa yang sama turut membantu dan memberi idea kepada pihak berkuasa tempatan dalam melaksanakan pemeliharaan landskap budaya di tanah bencah Setiu dengan menggunakan pendekatan landskap budaya menerusi IUCN Kategori V sebagai mekanisma untuk memelihara keunikan landskap budaya di tanah bencah Setiu.
4. Aktiviti pelancongan menjadi salah satu aktiviti ekonomi mampan yang dapat mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar.

## **1.7 Kesimpulan**

Landskap budaya merupakan suatu kawasan yang membentuk perhubungan diantara manusia dan alam semulajadi. Perhubungan ini akan membentuk kehidupan, penempatan, amalan budaya dan kepercayaan bagi menggambarkan keadaan dan watak sebenar sesebuah masyarakat (Brown et al., 2005).

Manusia tidak memberi kesan secara langsung kepada landskap tetapi ia memberi peranan secara langsung dalam proses pembangunan dan membuat keputusan (Kaya, 2002). Keadaan ini dapat diterjemahkan menerusi penulisan Nantawan (2008) apabila beliau menerangkan landskap budaya adalah landskap yang dicipta secara sengaja oleh manusia. Pembentukan landskap budaya ini memberikan kepentingan dan maksud tertentu bagi masyarakat. Keunikan landskap budaya ini merangkumi tinggalan sejarah, taman-taman dan elemen keagamaan, kesenian dan alam semulajadi.

Proses pembentukan ini sentiasa berubah mengikut peredaran semasa. Kestabilan sesebuah masyarakat dapat dilihat apabila masyarakat ini mengekalkan nilai-nilai sedia ada walaupun arus permodenan sentiasa mengejar mereka. Pengekalan landskap budaya ini selalunya melibatkan adat dan tradisi, bahasa, keagamaan dan kepercayaan.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, landskap budaya terhasil daripada kewujudan interaksi antara manusia dan alam semula jadi. Perubahan landskap budaya akan memberi kesan yang jelas kepada perubahan budaya dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat. Landskap yang tercipta sepanjang tempoh ini mempunyai nilai yang sangat tinggi. Kebimbangan mengenai kehilangan landskap budaya akibat daripada kewujudan landskap baru telah meningkat sejak kebelakangan ini (Antrop, 2005), di mana ramai yang melihat kewujudan landskap baru ini sebagai satu ancaman yang akan memberi kesan kepada landskap sedia ada.

Dalam mengekalkan keunikan landskap budaya ini, mekanisma yang berkesan amat diperlukan dalam mengurus tadbir kawasan lindungan ini tanpa menjejaskan keunikan sedia ada. Mekanisma ini haruslah mengambilkira kepentingan daripada semua pihak terutamanya masyarakat tempatan, ini kerana mereka merupakan agen penting dalam pembentukan landskap budaya bagi kawasan tersebut. Pada masa yang sama mereka juga lebih mahir dengan persekitaran semulajadi diwarisi dari turun temurun.

## RUJUKAN

- Abdullah, S. A., & Nakagoshi, N. (2006). Changes in landscape spatial pattern in the highly developing state of Selangor, peninsular Malaysia. *Landscape and Urban Planning*, 3(77), 263–275.
- Akub, A.H., & Mohd Ariffin, N.F. (2013). Pentingnya Kita Mengambil tahu Adanya Bandar Melayu Tradisi Dalam Penyediaan Kajian Rancangan Pemajuan Untuk Jadikannya Asas Pemeliharaan Warisan Negara, *MIP E-Bulletin* 1(3): 2-7.
- Baldwin, E., Longhurst, B., McCracken, S., Ogborn, M., & Smith, G. (2000). *Introducing Cultural Studies*. United States: University of Georgia Press.
- Baxter, J., & Eyles, J. (1999). The Utility of In-Depth Interviews for Studying the Meaning of Environmental Risk. *The Professional Geographer*, 5(1), 307–320.
- Biernacki, P., & Waldorf, D. (1981). *Sociological Methods and Research*. SAGE Publication.
- Boyce, C., & Palena, N. (2006). *CONDUCTING IN-DEPTH INTERVIEWS : A Guide for Designing and Conducting In-Depth Interviews*. Pathfinder International.
- Boyatzis, R. (1998). *Transforming qualitative information: Thematic analysis and code development*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology, 3(2), 77–101.
- Brown, P. A. (2008). A Review of the Literature on Case Study Research. *Canadian Journal for New Scholars in Education*, 1(1), 1–13.
- Brito de Moraes M. (2000). Area de protecao Ambiental como Instrumento de Planejamento e Gestao: APA Cananea-Iguape-Peruibe, SP. *Master Thesis*, Sao Paulo University, Sao Paulo, Brazil.
- Brito de Moraes M. (2003). Protecting Seascape: Brazil's Experience with the APA Designation in Coastal Areas. *Paper presented at the V<sup>th</sup> Worlds Parks Congress, Durban, South Africa*.

- Brito de Moraes M. (2003). Linkages between protected area and surrounding land uses. *Report by IUCN WCPA-Brazil for Stream 1: Linkages in the landscape/seascape, V<sup>th</sup> Worlds Parks Congress, Durban, South Africa*, Maretti C.C. (coord.), IUCN WCPA-Brazil.
- Budhathoki, P. (2001). Participatory biodiversity conservation initiative in Nepal. *Paper presented at the Seminar on Regional Networking for Natural Resources Management, Forum of Natural Resource Managers (FONAREM)*. Kathmandu, Nepal, February 2001.
- Budhathoki, P. (2003). A Category V Protected Landscape approach to buffer zone management. Switzerland: IUCN, Gland, Switzerland and Cambridge, UK.
- Cosgrove, D. E. (1984). *Social Formation and Symbolic Landscape*. England: Croom Helm Ltd.
- Carolyn, B. & Palena, N. (2006). Conducting In-Depth Interviews: A Guide for Designing and Conducting In-Depth Interviews for Evaluation Input, pp. 3-7.
- Coleman, J. S. (1958). *Relational analysis: the study of social organizations with survey methods*. Human Organization 17.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2005). *The SAGE Handbook of Qualitative Research* (United Sta). SAGE Publication.
- Department of Statistics (2010). *State of Terengganu*, pp. 203-211.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. (2000) *Handbook of qualitative research (2nd ed.)*. Thousand Oaks, Calif.: Sage.
- Dijkink, G. (2011). On the European Tradition of Nationalism and its National Code, *Geography Research Forum 19*, pp. 45-59.
- ECERDC. (2010). *Integreted Development Plan for Kg.Penarik Mainland Coastal Tourism Development and Setiu Wetland State Park, Merang Setiu Terengganu Commission*. Malaysia.
- Garcia Lucchetti, V., & Font, X. (2013). Community based tourism: critical success factors. *ICRT Occasional Paper*, (27).
- Graham, B. (1998a). Introduction in *Modern Europe: Place, Culture and Identity*, London: Arnold.
- Graham, B. (1998b). The Past in Europe's Present: Diversity, Identity and the Construction of Place, in *Modern Europe: Place, Culture and Identity*, London: Arnold.
- Guest, G., MacQueen, K., & Namey, E. (2012). Introduction to applied thematic analysis. *Applied Thematic Analysis*.

- Hance, J. (2015). Brazil's Atlantic Forest. Retrieved from [rainforests.mongabay.com/mata-atlabtica/mata-atlantica.html](http://rainforests.mongabay.com/mata-atlabtica/mata-atlantica.html)
- Handcock, M. S., & Gile, K. J. (2011). Comment: On the concept of snowball sampling. *Sociological Methodology*, 41(1), 367–371.
- Harvey D. (1973). *Social Justice and the City*. United Kingdom: Baltimore: John Hopkins University Press.
- Hunter, S. V. (2010). Analysing and representing narrative data : The long and winding road. *Current Narratives*, 1(2), 44–54.
- ICOMOS UK. (2002). *The Cultural Landscape: Planning for Sustainable Development*. National Trust, London, UK.
- IUCN (1994). *Guidelines for Protected Area Management Categories*. IUCN, Gland, Switzerland and Cambridge, UK.
- IUCN Commission on Environmental Law (2000). *Landscape Conservation Law: Present Trends and Perspectives in International and Comparative Law*. IUCN, Gland, Switzerland and Cambridge, UK.
- IUCN (2002). *Management Guidelines for IUCN Category V Protected Areas Protected Landscapes/Seascapes*. IUCN, Gland, Switzerland, and Cambridge, UK.
- IUCN (2005). *The Protected Landscape Approach: Linking Nature, Culture and Community*. IUCN, Gland, Switzerland, and Cambridge, UK.
- Ivanovic, M. (2008). *Cultural Tourism*. Cape Town, South Africa: Juta & Company, Ltd.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). (2010). *Rancangan Fizikal Negara Ke-2*.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). (2006). *Rancangan Struktur Negeri Terengganu*, Negeri Terengganu.
- Jabatan Perikanan Malaysia. (2013). *Laporan Perangkaan Tahunan*. Malaysia.
- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). (2015). *Bahagian Kawasan Perlindungan*. Retrieved from <http://www.wildlife.gov.my/index.php/ms/2013-02-08-11-40-37/fungsi-bahagian/kawasan-perlindungan.html?showall=1&limitstart=>
- Jackson, J. B. (1984). *Discovering the vernacular landscape*. New Haven.
- Jackson, R. L., Drummond, D. K., & Camara, S. (2007). What Is Qualitative Research? *Qualitative Research Reports in Communication*, 8(1), 21–28.

- Jasmi, K. A. (2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial*. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Setiu. (2012). *Profil Kampung JKKK Kuala Setiu*. Setiu.
- Kunstler, J.H. (1993). *The Geography of Nowhere: Rise & Decline of America's Man Made Landscapes*.
- Knudsen, D.C., Metro-Roland, M.M, Soper, A.K & Greer, C.E. (2008). *Landscape, Tourism and Meaning*, pp. 09-21.
- Jessica, B., Nora, M. & Michael B. (2005). *The Protected Landscape Approach: Linking Nature, Culture and Community*. IUCN, Gland, Switzerland and Cambridge, UK.
- Jamie, B. & John, E. (1999). The Utility of In-Depth Interviews for Studying the Meaning of Environmental Risk, *The Professional Geographer*, 51:2, 307-320.
- Labuschagne, A. (2003). *Qualitative Research - Airy Fairy or Fundamental?*
- Lee, A. (2013). *Integrating Boutique Resort Development With Community Based Tourism Resources*. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Lino, C. . (2003). Protecting our future: the Mata Atlantica Biosphera Reserve and the MaB Programme Experience in Brazil. *World Park Congress*. South Africa.
- Majlis Daerah Setiu. (2003). *Rancangan Tempatan Daerah Setiu*.
- Mallarach, J.M. (2008). Values of Protected Landscapes and Seascape, Volume 2, the Protected Landscape Task Force of IUCN's World Commission on Protected Areas.
- Mitchell, N., & Buggey, S. (2000). Protected landscapes and cultural landscapes: taking advantage of diverse approaches. In *The George Wright Forum 17* (pp. 35–46). London.
- Mitchell, N., & S. Buggey (2000). Protected landscapes and cultural landscapes: taking advantage of diverse approaches. *The George Wright Forum 17*:1,pp. 35–46.
- Moreira, F., A. Isabel Queiroz, Aronson, J. (2006). *Restoration Principles Applied to Cultural Landdscape*, pp. 218-223.
- Nantawan, M. (2008). *Cultural Landscape and Management Plan for Cultural and Historical Tourism in Palaces Dating from King Rama Vi's Reign*. Silpakorn University.

- National Geographic. (2015). Philippine Rice Terraces. Retrieved from <http://travel.nationalgeographic.com/travel/world-heritage/philippine-rice-terraces/#>
- Neuman, W. . (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. United States: SAGE Publication.
- O'Hare, D. (1997). *Interpreting the Cultural Landscape for Tourism Development*. United States: Urban Design International.
- Page, R. R., & Olmsted Center for Landscape Preservation. (2009). *National Park Service Cultural Landscape Inventory Professional Procedures Guide*. United State.
- Phillips, A. (2002). *Management Guidelines for IUCN Category V Protected Areas Protected Landscapes / Seascapes Management Guidelines for IUCN Category V Protected Areas Protected Landscapes / Seascapes*. World. United Kingdom: IUCN, Gland, Switzerland, and Cambridge, UK.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. (2009). Jadikan Kebersihan Amalan Hidup. Retrieved from [http://dun.terengganu.gov.my/maxc2020/agensi/index\\_news.display.php?cid=1&newsid=973&searchterm=](http://dun.terengganu.gov.my/maxc2020/agensi/index_news.display.php?cid=1&newsid=973&searchterm=)
- Razzaq, A. R. A., Mustafa, M. Z., Suradin, A., Hassan, R., Hamzah, A., & Khalifah, Z. (2012). Community capacity building for sustainable tourism development: experience from Miso Walai homestay. *Business and Management Review*, 2(5), 10–19.
- Reichardt, C. S., & Cook, T. D. (1979). *Beyond qualitative versus quantitative methods*. Beverly Hills: SAGE Publication.
- Reicher, S., & Taylor, S. (2005). Similarities and differences between traditions. *Psychologist*, 1(8).
- Ritchie, J. R. B., & Zins, M. (2003). *Culture as determinant of the attractiveness of a tourism region*. United Kingdom: CABI Publishing.
- Rose, G. (1995). *Place and Identity: A Sense of Place, in a Place in the World? Place, Cultures and Globalization*. (D. Massey & P. Jess, Eds.). New York: Oxford University Press and Milton Keynes.
- Sarajeva, S. S. (2011). Case study research method. University of Edinburgh.
- Sauer, C. O. (1925). The Morphology of Landscape. *University of Californial Publications in Geography*. California: University of California Publication in Geography.

- Shuib, K. B., & Hashim, H. (2009). Cultural Landscape Conservation: Understanding Landscape Values Using the Community's Perspective. In *UMRAN conference*. Malaysia: International Islamic University Malaysia.
- Smith, A. . (1991). *National Identity*. London: Penguin Books.
- Stake, R. (1995). *The art of case study research*. Thousand Oaks, Calif.: Sage.
- Stake, R. (1998). 'Case Studies' in: Norman Denzin & Yvonna Lincoln. (eds.): *Strategies of Qualitative Inquiry*. Thousand Oaks, London, New Delhi: Sage.
- Swinnerton, G.S & Buggey, S. (2004). Protected Landscape in Canada: Current Practice and Future Significance, *The George Wright Forum*, Vol. 21, No.2, pp. 84-90.
- Suckall, N., Fraser, E. D. G., Cooper, T., & Quinn, C. (2009). *Visitor perceptions of rural landscapes: A case study in the Peak District National Park, England*. (No. 1). UK.
- Taylor Powell, E., & Steele, S. (1996). Collecting Evaluation Data : Direct Observation. *Cooperative Extension Publications*. University of Wisconsin.
- Tengberg, A., Fredholm, S., Eliasson, I., Knez, I., Saltzman, K., & Wetterberg, O. (2014). *Cultural ecosystem services provided by landscapes: Assessment of heritage values and identity*. (L. H. Cousins, Ed.). London: SAGE Publication.
- Thomas, J., & Harden, A. (2008). *Methods for the thematic synthesis of qualitative research in systematic reviews*. *BMC medical research methodology* (Vol. 8). London.
- Turner, M. G. (2008). Landscape Ecology : The Effect of Pattern on Process Author ( s ): Monica Goigel Turner Source : Annual Review of Ecology and Systematics , Vol . 20 ( 1989 ) , pp . 171-197 Published by : Annual Reviews Stable *Ecology*, 20(1989), 171–197.
- UNESCO (United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization). (1999). Operational Guidelines for the Implementation of the World Heritage Convention. Paris: UNESCO.
- Villalon, A. . (1994). *The Rice Terrace of the Philippine Cordilleras*. Phillippine: World Heritage Nomination Dossier.
- Villalon, A.. (2002). *Lugar: Essay on Philippine Heritage and Architecture*. Bookmark Publishing, Manila, Philippines.
- Walls, M. (2009). *Parks and Recreation The National Park System. Review Literature And Arts Of The Americas*. Washington.
- World Wildlife Fund. (2006). *Tanah Lembap Setiu*. Malaysia.

World Wildlife Fund. (2015). Saving People and Wildlife in the Sacred Valleys of Nepal. Retrieved from <http://www.worldwildlife.org/pages/saving-people-and-wildlife-in-the-sacred-valleys-of-nepal#>

Wylie, J. (2007). *Landscape*, pp 94-136.

Yin, R. K. (1994). Case Study Research: Design and Methods. In *Applied Social Research Methods Series* (Second, Vol. 5, p. 219). SAGE Publication.